

PAS desak PM jelaskan penamatan jawatan KP Perkhidmatan Awam
Malaysian Insider
3 Julai, 2012
Oleh Amin Iskandar

KUALA LUMPUR, 3 Jul — Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar hari ini mendesak perdana menteri, Datuk Seri Najib Razak jelaskan sebab mengapa khidmat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Abu Bakar Abdullah ditamatkan pada 1 Julai lalu.

Menurut ahli parlimen Pokok Sena itu, kontrak perkhidmatan Abu Bakar seharusnya tamat tempoh dalam masa tiga tahun lagi.

"Tan Sri Abu Bakar Abdullah baru sahaja menandatangani surat untuk melanjutkan tugasnya sehingga umur 60 tahun dan beliau sekarang ini baru berumur 57 tahun.

"1.4 juta penjawat awam dan seluruh rakyat Malaysia ingin mengetahui mengenai misteri penamatan jawatan beliau," kata Mahfuz (gambar) lagi.

Mahfuz mendakwa bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ditamatkan oleh kerana terdapatnya amalan politik di peringkat tertinggi penjawat awam mengambil contoh mantan ketua setiausaha negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan yang dilantik sebagai Pengerusi Petronas sehari selepas tamat perkhidmatan.

Naib Presiden PAS itu merujuk kepada khabar angin yang menyatakan Abu Bakar ditamatkan perkhidmatan akibat daripada kontroversi skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) baru-baru ini yang dibatalkan selepas mendapat bantahan majoriti penjawat awam yang berjawatan rendah.

"Tidak adil untuk menjadikan Abu Bakar kambing hitam kepada kegagalan SBPA. SBPA sudah bermula semenjak Tan Sri Ismail Adam menjadi Ketua Pengarah lagi.

"Majlis Gaji Kebangsaan yang dipengerusikan oleh perdana menteri turut maklum dengan SBPA dan menyokong sepenuhnya sebelum ditarik balik," kata bekas ketua pemuda PAS itu.

Ahli parlimen Pokok Sena itu mendakwa, Tan Sri Abu Bakar ditamatkan perkhidmatan dengan menggunakan Perkara 49 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

"Peraturan 49 hanya digunakan untuk kes-kes yang melibatkan isu ketenteraman awam dan perkara-perkara yang boleh merugikan negara.

"Kerajaan harus jelaskan kepada orang ramai, apakah yang dilakukan oleh Abu Bakar sehingga mengganggu ketenteraman awam atau SBPA yang dijadikan sebab," gesa Mahfuz.

Abu Bakar sebelum ini dilaporkan enggan memberikan komen tentang sebab-sebab penamatan perkhidmatannya tetapi berkata bahawa beliau bersedih dengan peristiwa itu.

Penamatan perkhidmatan Abu Bakar berlaku timbul tatkala perbincangan mengenai sikap neutral penjawat awam timbul akibat daripada kenyataan Ketua Setiausaha Negara baru, Datuk Seri Ali Hamsa yang mahu penjawat awam tidak terpengaruh kepada janji pembangkang.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-desak-pm-jelaskan-penamatan-jawatan-kp-perkhidmatan-awam/>